

**IMPAK PEMBINAAN LEBUHRAYA PAN  
BORNEO TERHADAP SOSIO-EKONOMI  
PENDUDUK DI DAERAH SELANGAU,  
SARAWAK.**



**SOPHIA ANAK DEMPI**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN  
KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk "Impak Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Terhadap Sosio-ekonomi Penduduk Di Daerah Selangau, Sarawak." Adalah hasil kerja dan usaha daripada penat lelah saya sendiri dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini, melainkan ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**23 AUGUST 2022**

.....  
**SOPHIA ANAK DEMPI**

.....  
**TARIKH**

**BA19110734**

## **PENGESAHAN PENYELIA**

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian dalam Bidang Geografi.

**Disahkan oleh,**



**PENYELIA**

**DR. HARIFAH MOHD.NOOR**

**23 AUGUST 2022**

**TARIKH**

**PROGRAM GEOGRAFI (HA18)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## PENGHARGAAN

Salam Sejahtera,

Sebelum itu, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya saya dapat menyempurnakan kajian ini dengan lancar walaupun menghadapi sedikit cabaran dan halangan. Akan tetapi, berkat kecekalan dan ketabahan hati akhirnya selesai Latihan Ilmiah ini. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada mereka yang telah banyak membantu saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Sejujurnya, kajian ini tidak akan berjaya dilaksanakan sekiranya tanpa bimbingan, sokongan dan sumbangan daripada pelbagai pihak.

Di sini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tenaga pengajar UMS yang banyak memberi ilmu dan tunjuk ajar. Terutama sekali penyelia Latihan Ilmiah saya iaitu Dr. Harifah Mohd Noor. Beliau juga merupakan mentor kepada saya dalam perkembangan akademik sepanjang pengajian. Saya amat menghargai kerana Beliau telah banyak membantu, memberi nasihat dan panduan kepada saya sepanjang pelaksanaan Latihan Ilmiah ini.

Tidak lupa juga kepada ahli keluarga yang amat saya sayangi. Terima kasih atas segala doa, sokongan, pengorbanan dan nasihat yang diberikan. Mereka juga turut bertungkus-lumus dalam membantu saya menjalankan kajian misalnya membantu mencari data dan membuat tinjauan kajian. Serta rakan-rakan seperjuangan HA18 (Geografi) khususnya. Terima kasih kerana menemani suka dan duka, perkongsian pendapat dan nasihat yang diberikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Jasa kalian akan ku kenang sehingga hari-hari yang mendatang.

Sekian Terima Kasih.

## **ABSTRAK**

Pada arus modenisasi ini, pelbagai program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Sarawak demi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi rakyat. Projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo (LPB) merupakan projek mega milik kerajaan persekutuan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016. Projek ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kualiti jalan raya sedia ada kepada sebuah lebuhraya yang efisien. Projek naik taraf jalan amat diperlukan di Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar kerana ianya pemangkin kepada ekonomi setempat. Namun begitu, projek LPB ini secara langsung dan tidak langsung telah mewujudkan pelbagai impak kepada sosio-ekonomi penduduk di Selangau khususnya penduduk yang tinggal di pinggir jalan. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti latar belakang pembinaan Lebuhraya Pan Borneo (LPB) dan impaknya terhadap sosio-ekonomi penduduk di Daerah Selangau. Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 60 orang responden yang terdiri daripada penduduk yang tinggal di berdekatan dengan pembinaan LPB tersebut. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden menggunakan statistik deskriptif. Impak pembinaan LPB dari segi sosial seperti kesihatan, kesejahteraan dan tempat tinggal penduduk manakala impak dari segi ekonomi pula termasuklah peluang pekerjaan, harta benda dan juga perniagaan di pinggir jalan. Pelbagai langkah mitigasi dicadangkan dalam kajian ini bagi mengurangkan impak negatif pembinaan LPB terhadap sosio-ekonomi penduduk di Selangau.

Kata kunci: Pan Borneo, lebuhraya, sosio-ekonomi, pembangunan, alam sekitar.

## **ABSTRACT**

*In this current of modernization, various development programs have been implemented by the Sarawak government in order to improve the social and economic standards of the people. The Pan Borneo Highway (LPB) construction project is a mega project owned by the federal government that has been implemented since 2016. This project is implemented with the aim of further improving the quality of the existing road to an efficient highway. Road upgrading projects are very necessary in Sarawak especially in rural areas because they are a catalyst for the local economy. Nevertheless, this LPB project has directly and indirectly created various impacts on the socioeconomics of the people in Selangau, especially the people who live on the roadside. Therefore, this study was conducted to identify the background of the construction of the Pan Borneo Highway (LPB) and its impact on the socioeconomics of the people in Selangau District. This study involves a total of 60 respondents who are residents living near the LPB construction. The data collection method used is to distribute questionnaires to respondents using descriptive statistics. The impact of LPB construction in social terms such as the health, well-being and housing of the residents while the economic impact includes job opportunities, property and also businesses on the side of the road. Various mitigation measures are proposed in this study to reduce the negative impact of LPB construction on the socioeconomics of the people in Selangau.*

*Keywords: Pan Borneo, highway, socio-economic, development, environment.*

# SENARAI ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiii
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.6.1 Kawasan Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.7.1 Kerajaan	13
1.7.2 Pengusaha Projek	13
1.7.3 Tenaga Kerja Pembinaan	14

1.7.4	Pihak Professional	14
	Penduduk Tempatan	15
1.8	Kesimpulan	16

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	pengenalan	17
2.2	Definisi Konsep dan Operasional	17
2.2.1	Lebuhraya	17
2.2.2	Lebuhraya Pan Borneo	18
2.2.3	Pembangunan	18
2.2.4	Impak Ekonomi	18
2.2.5	Impak Sosial	19
2.3	Pembinaan Lebuhraya Di Malaysia	22
2.4	Kepentingan Pembinaan Lebuhraya	23
2.4.1	Menjimatkan Masa dan Kos Perjalanan	23
2.4.2	Menjana Ekonomi	24
2.4.3	Meningkatkan Ketersampaian ke Fasiliti Sosial dan Ekonomi	24
2.4.4	Mencipta Peluang Pekerjaan dan Menjana Pendapatan	25
2.4.5	Meningkatkan Keselesaan dan Keselamatan	25
2.5	Impak Negatif Lebuhraya Pan Borneo	26
2.5.1	Menjejaskan Harta Benda Penduduk	26
2.5.2	Pemandu Memandu Melebihi Had Laju	27
2.5.3	Pencemaran Bunyi Menjejaskan Kesejahteraan	27
2.5.4	Jerebu Menjejaskan Kesihatan Penduduk	28
2.5.4	Menjejaskan keselamatan Pengguna	28
2.5.6	Menjejaskan Bekalan Air Bersih	28
2.5.7	Peluang Pekerjaan Dimonopoli Warga Asing	29
2.6	Langkah Mengatasi Impak Negatif Pembinaan dan Pembangunan	30
2.6.1	Menilai Semula Pampasan dan Bantuan	30
2.6.2	Penilaian Impak Hakisan Tanah	30
2.6.3	Utamakan Penduduk Tempatan Dalam Pekerjaan	31
2.6.4	Meningkatkan Kemahiran Pekerja	31
2.6.5	Memasang Penghadang Jalan	32



2.6.6	Penambahbaikan Lokasi Kerap Kemalangan	32
2.6.7	Menutup Semula Permukaan Terdedah	32
2.6.8	Mengurangkan Impak Pencemaran Udara	33
2.7	Kesimpulan	34

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Teknik Pengumpulan Data	37
3.3.1	Data Primer	37
	i.    Pemerhatian	37
	ii.   Borang Soal Selidik	39
	iii.  Kandungan Borang Soal	39
	iv.   Persampelan Kajian	40
	v.    Kajian Rintis	41
	vi.   Ujian Kebolehpercayaan	43
	vii.  Pembersihan Data dan Penyaringan Data	44
3.3.2	Data Sekunder	45
	i.    Kajian Kepustakaan	45
	ii.   Rujukan Internet dan Laman Web	45
3.4	Teknik Analisis Dan Persembahan Data	46
3.4.1	Kualitatif	46
3.4.2	Kuantitatif	47
	3.4.2.1  IBM SPSS Statistic	47
	3.4.2.2  Microsoft Excel 2020	48
3.5	Kesimpulan	49

### **BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis Demografi Responden	50
4.3	Analisis Impak Negatif Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Terhadap Sosio-ekonomi Penduduk Di Selangau	53
4.4	Analisis Langkah Mitigasi yang Sesuai Dilaksanakan Untuk Mengurangkan Impak Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.	59

4.5	Analisis pemerhatian	67
4.6	Kesimpulan	78

## **BAB 5: PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN**


5.1	Pengenalan	79
5.2	Perbincangan Latar Belakang Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo	79
5.2.1	Fasa Sebelum Pembinaan	81
5.2.2	Fasa Semasa Pembinaan	82
5.3	Perbincangan Impak Negatif Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Terhadap Sosio-ekonomi Penduduk di Selangau	83
5.3.1	Menjejaskan Harta Benda Penduduk	83
5.3.2	Peluang Pekerjaan Dimonopoli Oleh Warga Asing	83
5.3.3	Bunyi Bising Menjejaskan Kesejahteraan Penduduk	84
5.3.4	Debu dan Habuk Menjejaskan Kesihatan Penduduk	84
5.3.5	Pencemaran Sungai Menjejaskan Bekalan Air Bersih	84
5.4	Perbincangan Langkah Mitigasi Yang Sesuai Dilaksanakan Untuk Mengurangkan Impak Negatif Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo	85
5.4.1	Penilaian Semula Bayaran Pampasan	85
5.4.2	Utamakan Warga Tempatan Bekerja Dalam Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo	86
5.4.3	Membuat Penghadang Jalan	86
5.4.4	Mengkaji Semula Kawasan Kerap Kemalangan	86
5.4.5	Menutup Semula Permukaan Yang Terdedah	87
5.4.6	Mengurangkan Impak Pencemaran Udara	87
5.4.7	Meningkatkan Kemahiran Pekerja	88
5.5	Limitasi Kajian	88
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	89
5.7	Kesimpulan	90

## SENARAI SINGKATAN

LPB	-	Lebuhraya Pan Borneo
LLM	-	Lembaga Lebuhraya Malaysia
Sg.	-	Sungai
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
JKO	-	Jabatan Kerja Raya
SPAD	-	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SIA	-	Social Impact Assessment
ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
CC	-	Concrete Canvas
PDP	-	Project Delivery Partner
KKR	-	Kementerian Kerja Raya
UPE	-	Unit Perancangan Ekonomi

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 2.1	: Pemboleh ubah perubahan impak sosial.	19
Jadual 3.1	: Senarai semak pemerhatian di lapangan.	38
Jadual 3.2	: Skala likert persepsi responden terhadap pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.	40
Jadual 3.3	: Perubahan dalam borang soal selidik selepas kajian rintis.	42
Jadual 3.4	: Nilai Kebolehpercayaan Soalan.	43
Jadual 3.5	: Interpretasi Skor Min.	45
Jadual 4.1	: Analisis Demografi Responden.	52



## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	: Perbandingan jumlah kemalangan bagi Tahun 2019 dan 2020.	26
Rajah 3.1	: Carta Alir Metodologi kajian.	36
Rajah 4.1	: Min bagi impak negatif pembinaan LPB terhadap sosio-ekonomi penduduk di Selangau.	53
Rajah 4.2	: Pembinaan LPB banyak menjejaskan harta benda penduduk sekitar.	54
Rajah 4.3	: Peluang kerja dimonopoli oleh warga asing.	55
Rajah 4.4	: Bunyi bising mengganggu ketenteraman penduduk.	56

Rajah 4.5 :	Pembinaan LPB menjejaskan kesihatan penduduk.	57
Rajah 4.6 :	Pembinaan LPB menjejaskan bekalan air bersih.	58
Rajah 4.7 :	Nilai skor Min langkah mitigasi untuk mengurangkan impak LPB.	59
Rajah 4.8 :	Menilai semula bayaran pampasan.	60
Rajah 4.9 :	Peluang pekerjaan kepada warga tempatan.	61
Rajah 4.10 :	Meningkatkan kemahiran pekerja.	62
Rajah 4.11 :	Memasang penghadang jalan.	63
Rajah 4.12 :	Mengkaji semula kawasan kerap kemalangan.	64
Rajah 4.13 :	Mengurangkan impak hakisan dan tanah runtuh.	65
Rajah 4.14 :	Mengawal Pencemaran Udara	66



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GAMBAR

<b>NO. GAMBAR</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Gambar 1.1 :	Rumah penduduk yang terkena rizab Lebuhraya Pan Borneo.	5
Gambar 1.2 :	Debu akibat batu dan tanah pembinaan menjejaskan kesihatan penduduk sekitar.	6
Gambar 1.3 :	Tanah yang terdedah untuk pembinaan Jambatan Sg. Kua.	7
Gambar 1.4 :	Keadaan LPB yang tidak diselenggara dengan baik dan kurangnya penghadang jalan.	8

Gambar 1.5 :	Peta Daerah Sibuh, Sarawak.	12
Gambar 1.6 :	Peta Daerah Selangau dan jajaran Sibuh-Selangau.	12
Gambar 4.1 :	Rumah yang dirobuhkan.	67
Gambar 4.2 :	Bentuk muka bumi yang berbukit.	68
Gambar 4.3 :	Restoran Impian di hadapan persimpangan bertingkat.	69
Gambar 4.4 :	Keadaan udara yang berdebu.	70
Gambar 4.5 :	Sungai menjadi keruh dan cetek.	71
Gambar 4.6 :	Selekoh jalan yang tidak rata.	72
Gambar 4.7 :	Pekerja pembinaan yang sedang berehat.	73
Gambar 4.8 :	Reka bentuk Lebuhraya Ekspres dan persimpangan bertingkat.	74
Gambar 4.9 :	Penstabil cerun, Concrete Canvas.	75
Gambar 4.10 :	alan yang tidak mempunyai tanda amaran dan alat keselamatan.	76
Gambar 4.11 :	Hakisan tanah.	77

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab 1 ini merupakan pendahuluan kepada kajian mengenai impak pembinaan Lebuhraya pan Borneo terhadap sosio-ekonomi penduduk. Bab ini akan mengulas tentang latar belakang kajian berkenaan dengan penggunaan lebuhraya di Malaysia dan informasi mengenai pembinaan Lebuhraya Pan Borneo (LPB). Kandungan bab ini akan menyatakan permasalahan kajian dengan mengenalpasti isu-isu yang timbul daripada pembinaan LPB. Permasalahan kajian yang timbul menjadi punca kepada wujudnya beberapa persoalan seterusnya membawa kepada objektif yang perlu dicapai bagi menjawab persoalan tersebut. Selain itu, bab ini turut memberi penerangan kepada skop kajian yang menjadi fokus dalam sasaran pengkaji. Pengkaji akan menjelaskan profil dan memberikan justifikasi secara ringkas kepada pemilihan kawasan daerah Selangau sebagai lokasi kajian. Kepentingan kajian juga akan dibincangkan untuk menjelaskan pentingnya permasalahan dalam kajian ini dikaji kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak berkuasa dan pengguna khususnya. Bahagian akhir bab ini akan diberikan sedikit ulasan pada ringkasan bab dan juga kesimpulan.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pada masa kini, perkembangan infrastruktur Malaysia saban hari semakin meningkat kerana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang semakin rancak. Pembangunan sosial merupakan salah satu langkah bagi meningkatkan secara progresif kualiti kehidupan yang dinikmati secara bersama oleh semua lapisan masyarakat. Menurut Fathin (2021), aktiviti pembinaan merupakan industri yang sangat kompetitif dan membabitkan perancangan kerja yang sangat teliti, sistematik, dilengkapi dengan spesifikasi dan pemeriksaan yang sangat baik agar projek pembinaan mendapat pengoptimuman keseluruhan dari segi masa, kos dan sumber.

Kerajaan Malaysia amat komited dengan pembangunan khususnya pembinaan lebuhraya kerana ianya merupakan salah satu keperluan yang amat

penting. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) berdasarkan Undang-Undang Malaysia Akta 231, Akta Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 (Lewandowski, 2015). Objektif penubuhan Lembaga ini adalah untuk merancang, mereka bentuk, memaju, mengendali, dan menaik taraf rangkaian lebuhraya yang moden bagi mewujudkan suatu sistem pengangkutan jalan raya yang lebar, selesa dan selamat digunakan oleh pengguna. Hal ini kerana, pembinaan rangkaian lebuhraya yang lebih selamat dan selesa penting untuk pelbagai jenis aktiviti seperti pembangunan, sosial dan juga ekonomi di sesebuah negara.

Lebuhraya Trans Borneo atau juga dikenali sebagai Lebuhraya Pan Borneo (LPB) merupakan satu rangkaian laluan persekutuan yang menghubungkan Sarawak, Brunei dan Sabah. Di bawah pelan projek pembinaan LPB juga, pembinaan jalan empat lorong dirancang untuk dibina termasuk lorong memotong di setiap satu kilometer untuk mengurangkan risiko kawasan kerap kemalangan dan penyingkatan jalan. LPB juga merupakan projek milik kerajaan persekutuan yang bernilai berbilion ringgit dengan tujuan menyediakan dan memajukan sistem perhubungan yang boleh membawa peningkatan kepada pembangunan sosio-ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak (Siaw, 2018). Mantan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak telah melancarkan pembinaan dan kerja menaiktaraf LPB Sarawak sebagai tanda menunaikan manifesto Barisan Nasional iaitu "Aku Janji" yang telah diumumkan pada April 2013. Ini jelas bahawa LPB mampu meningkatkan kesalinghubungan merentas negeri Sarawak di samping memberi impak positif kepada sosial dan ekonomi terutamanya kepada penduduk tempatan.

Pembinaan lebuhraya dan infrastruktur pengangkutan merupakan nadi utama kepada penggerak pembangunan sosio-ekonomi penduduk di Daerah Selangau. Hal ini kerana, perkembangan infrastruktur pengangkutan yang berkualiti serta penyampaian perkhidmatan pengangkutan yang cekap merupakan langkah penting untuk meningkatkan taraf hidup penduduk sekitar. Menurut Ketua Menteri Sarawak iaitu Yang Amat Berhormat Abang Abdul Rahman Zohari Abang Openg, pembinaan LPB akan menjadi pemangkin untuk mencapai aspirasi sebagai negeri maju pada 2030 (UKAS, 2022). Pembinaan lebuhraya di Malaysia dilaksanakan bertujuan untuk menjimatkan kos dan masa perjalanan, memudahkan pergerakan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Bukan itu sahaja, kemudahan pembinaan



lebuhraya juga menyediakan fungsi perkhidmatan sosial dan ekonomi utama kepada masyarakat termasuk pengangkutan, perjalanan, pertukaran budaya, serta aliran bahan dan maklumat (Li Feng et al., 2020). Oleh itu, apabila sesuatu projek pembangunan diluluskan untuk perlaksanaan, ia seharusnya dapat memberikan sumbangan positif kepada masyarakat khususnya komuniti tempatan.

Seperti yang kita sedia maklum, jalan raya memainkan peranan penting kepada pengguna sebagai medium perhubungan untuk membawa orang dan barang dari suatu tempat ke tempat yang lain. Di samping ingin membaiki jalan raya yang rosak, tujuan utama kerja naik taraf jalan adalah ingin meningkatkan kapasiti sesuatu jalan agar lebih banyak kenderaan dapat melaluinya (Azlizan et al., 2017). Walau bagaimanapun, semasa proses pembinaan lebuhraya dan naik taraf jalan yang sedang dilakukan, kontraktor atau pekerja yang diamanahkan gagal untuk mematuhi pengurusan trafik semasa kerja-kerja pembinaan dilakukan (Sofiuddin, 2011). Oleh itu, bagi memastikan pengguna menggunakan kemudahan lebuhraya dengan keadaan yang selamat dan selesa, pembinaan hendaklah dilakukan dengan betul mengikut standard piawaian yang ditetapkan serta perlulah diselenggara dengan betul dan efisien (Fathin et al., 2021). Jelaslah bahawa, pandangan penduduk tempatan perlu dilihat sebagai elemen yang penting dalam perancangan dan pelaksanaan LPB, khususnya sebelum pembinaan bermula supaya kesejahteraan hidup penduduk tempatan dapat dijamin sepanjang tempoh proses pembinaan.

Jika dilihat dari konteks lokal, tidak dinafikan bahawa pembinaan LPB dapat memberi kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan hartanah, perindustrian dan perbandaran yang secara tidak langsung memberi kesan signifikan kepada rakyat. Walaupun infrastruktur lebuhraya di Malaysia meningkat setiap tahun, namun kemudahan akses lebuhraya seringkali dikaitkan pelbagai jenis impak sosial. Hal ini kerana, pembinaan LPB yang sedang dilaksanakan pada masa kini bukan sahaja dapat meningkatkan sektor ekonomi malah memberi impak kepada sosial masyarakat terutamanya bagi penduduk yang tinggal berdekatan dengan infrastruktur tersebut (Marzila et al., 2019). Oleh itu, senario pembinaan lebuhraya di bandar dan luar bandar seharusnya dititikberatkan bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat mengecapi impak positif yang maksimum. Tuntasnya, pembinaan LPB seharusnya tidak terhad kepada langkah-langkah

meningkatkan mutu jaringan pengangkutan dan ketersampaian sahaja tetapi melibatkan juga kesan yang dibawa oleh pembangunan tersebut kepada perubahan sosio-ekonomi yang dapat mempengaruhi kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Sejak awal abad ke-20, peningkatan taraf hidup telah membawa kepada peningkatan tahap mobility kereta dan kenderaan berat disebabkan kadar pemilikan kenderaan persendirian semakin meningkat. Perkembangan pembinaan lebuh raya yang pesat di Sarawak dipengaruhi oleh peningkatan pergerakan barangan dan manusia dari suatu tempat ke tempat yang lain untuk menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi. Secara umumnya, pembangunan sistem jalan raya utama merupakan proses yang teratur dan berterusan. Oleh itu, proses pembinaan LPB hendaklah dilakukan secara strategik dan sistematik dengan reka bentuk yang boleh diterima dari segi ekonomi, sosial dan juga alam sekitar. Akan tetapi, pembinaan LPB yang dirancang telah mendapat pelbagai reaksi positif dan negatif dalam kalangan penduduk tempatan.

Terdapat beberapa isu yang timbul dalam akhbar dan media massa sejak pelaksanaan pembinaan LPB di Selangau sama ada semasa atau selepas pembinaan dilakukan. Isu yang paling utama dalam projek pembinaan LPB ini adalah proses tebus guna tanah. Jalan raya yang sedia ada menjadi lebuh raya yang lebar dan lurus telah menggunakan ruang guna tanah yang lebih besar dan luas. Terdapat beberapa kawasan di Daerah Selangau di mana lebuh raya yang dibina amat berhampiran dengan tanah pertanian dan juga tempat tinggal penduduk. Kerja pembinaan LPB ini memerlukan kawasan tanah yang luas untuk melebarkan dan menyingkatkan jalan. Terdapat di mana jajaran LPB yang dibina terkena pada tanah milik masyarakat tempatan sama ada milik syarikat atau milik persendirian (Siaw, 2018). Oleh itu, penelitian akan dilakukan disebabkan adanya aduan yang diterima berhubung dengan prestasi pembinaan Lebuh raya Pan Borneo Sarawak khususnya di laluan jajaran Sibu Selangau.



**Gambar 1.1: Rumah penduduk yang terkena rizab Lebuhraya Pan Borneo.**

Menurut Che Rose (2020), pembinaan LPB akan menyebabkan kawasan petempatan penduduk akan dirobohkan (dibayar pampasan) dan dibangunkan dengan pembinaan lebuhraya yang baharu. Kebanyakan penduduk yang tinggal berdekatan jalan raya terpaksa berpindah ke kawasan petempatan yang baharu bagi memberi laluan kepada pembinaan lebuhraya. Walaupun pihak LLM telah membayar pampasan kepada penduduk yang terjejas akibat pembinaan LPB namun terdapat isu keengganan untuk bekerjasama dalam kalangan sesetengah penduduk. Selain itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamin Christopher Gira Anak Sambang berkata, pampasan dibayar kepada penduduk rumah panjang yang terjejas hanya mengambil kira kos seperti bangunan rumah dan pokok tanaman sahaja. Permasalahan timbul apabila pampasan diterima penduduk tidak merangkumi kos penyambungan elektrik dan air yang perlu ditanggung sendiri penduduk rumah panjang selepas mereka berpindah ke rumah baharu. Oleh sebab itu, Beliau mencadangkan bantuan boleh diberikan seperti bahan binaan, peruntukan membuat sambungan elektrik dan bekalan air bersih di kawasan petempatan baharu (Ilie, 2017).

Tidak dinafikan bahawa, pembinaan jaringan pengangkutan yang baik akan memudahkan kehidupan seharian penduduk tempatan terutamanya dalam aktiviti sosial dan ekonomi. Akan tetapi, sukar untuk menyatakan bahawa tidak semua kesan pembinaan lebuhraya membawa manfaat kepada masyarakat (Thiel, 1962). Pada masa yang sama, terdapat keluhan daripada penduduk mengatakan bahawa jentera dan mesin pembinaan telah menghasilkan bunyi bising yang kuat sehingga mengganggu tahap keselesaan penduduk yang tinggal berdekatan tapak

pembinaan. Sebagai contoh, jentera dan mesin yang digunakan untuk membina jambatan di Sungai Kua (Selangau) akan menghasilkan bunyi yang kuat sehingga mampu mengganggu keselesaan dan kesejahteraan penduduk yang tinggal berdekatan. Pada masa yang sama, aktiviti penerokaan dan mengangkut tanah akan menghasilkan habuk dan debu yang banyak sehingga dapat memberikan kesan kepada tahap kesihatan penduduk terutamanya kepada bayi dan warga emas (Che Rose, 2020). Manakala menurut Akob (2019), penduduk yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan tapak pembinaan perlu membersihkan kawasan hadapan rumah dengan kerap akibat habuk dan debu daripada lori tanah dan jentera yang sering lalu-lalang di kawasan kediaman mereka. Kesannya, kebimbangan penduduk sekitar terhadap masalah debu dan habuk telah menghadkan keinginan mereka untuk menjalankan aktiviti di luar rumah.



**Gambar 1.2: Debu akibat batu dan tanah pembinaan menjejaskan kesihatan penduduk sekitar.**

Seterusnya, isu pencemaran air yang menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan air bersih sering kali dikaitkan dengan aktiviti pengondolan untuk aktiviti pembinaan sehingga kawasan tadahan dimusnahkan yang akhirnya mempengaruhi sumber dan bekalan air domestik (Abdullah & Saad, 2002). Bekalan sumber air minuman adalah faktor utama bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan hidup manusia (Mustafa et al., 2016). Menurut Abdul Rahman (2017), pembinaan jaringan pengangkutan boleh menggalakkan kejadian hakisan dan tanah runtuh di lereng-lereng bukit disebabkan oleh proses pemotongan, penarahan, penerasan dan penebukan bukit untuk membina lebuh raya, terowong, jambatan dan sebagainya. Untuk membina LPB yang lebar dari jalan raya yang

sedia ada, banyak pokok terpaksa ditebang dan bukit-bukit terpaksa digondol sehingga mendorong kepada hakisan permukaan dan tanah runtuh. Air larian ini membawa bersama sedimen yang boleh menyebabkan saluran sungai termendap dan cetek sehingga menyebabkan banjir lumpur berlaku. Sungai-sungai yang dijangka akan ditimpa masalah ini ialah Sungai Kua, Sungai Tamin, Sungai Pasai dan Sungai Mukah yang dijangka menjadi cetek dan airnya menjadi keruh.



**Gambar 1.3: Tanah yang terdedah untuk pembinaan Jambatan Sg. Kua.**

Salah satu justifikasi pembinaan Lebuhraya LPB adalah kekurangan keselamatan yang dirasakan di jalan lama. Kes-kes keselamatan dan kerosakan kereta di LPB banyak dilaporkan dari masa ke semasa. Kadang-kala masalah masih berlaku walaupun kerja baik pulih telah dilakukan (Tarefder, 2015). Menteri Kerja raya iaitu Yang Berhormat Baru Bian berkata bahawa laluan LPB di kawasan Selangau agak berbahaya disebabkan keadaan jalan yang tidak sempurna serta beberapa faktor keselamatan yang kurang memuaskan. Beberapa kawasan jajaran LPB Sibu-Selangau yang tidak diselenggara dengan baik ketika dalam proses pembinaan memerlukan perhatian segera pihak berwajib sama ada kementerian mahupun kontraktor yang sepatutnya. Beliau juga mengatakan bahawa keadaan jalan raya di kawasan Selangau mempunyai permukaan jalan yang berlubang (*Pothole*) serta penghadang di tepi jalan juga tidak mencukupi dan keadaan tersebut boleh mengundang bahaya untuk pengguna jalan raya pada waktu malam (Utusan Borneo, 2019). Menurut Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Sarawak, Superintendan Alexson Naga Chabu berkata kawasan selekoh yang dibina untuk membuat jalan sementara tidak diturap dengan baik dan perlu diletakkan lebih banyak tanda isyarat agar tidak mengelirukan pemandu.



**Gambar 1.4: Keadaan LPB yang tidak diselenggara dengan baik dan kurangnya penghadang jalan.**

Akhir sekali, sebanyak 70 peratus atau 182 pekerjaan telah diisi oleh penduduk tempatan dari daerah ini termasuk mereka dari Kuching dengan majoriti adalah dari sekitar kawasan Sematan, Lundu hingga Bau (Utusan Borneo Online). Namun begitu, Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, keadaan negara yang menghadapi pandemik COVID-19 dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah banyak memberi cabaran dan pengaruh terhadap perkembangan projek pembinaan LPB (Othman, 2021). Berdasarkan pemantauan di tapak projek, cabaran yang dihadapi semasa musim pandemik Covid-19 adalah kekurangan tenaga kerja atau buruh untuk menampung keperluan harian dalam pembinaan LPB ini. Oleh itu, Menteri Kerja Raya sedang meneliti kekangan pelaksanaan dan penyenggaraan serta keberkesanan pelan mitigasi bagi memantapkan pembinaan LPB di Sarawak. Masalah timbul apabila kerajaan sedang berusaha dan mengkaji pekerja dari luar negara untuk mengatasi isu tersebut. Namun demikian, inisiatif tersebut haruslah diseimbangkan dengan tahap keselamatan dan kesihatan negara terutamanya pada musim pandemik ini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui latar belakang LPB dan impak sosio-ekonomi yang dihadapi oleh penduduk di daerah Selangau akibat daripada pembinaan LPB dilakukan. Selain itu, kajian juga dibuat untuk mengenalpasti langkah-langkah mitigasi yang sesuai dilaksanakan untuk mengurangkan impak negatif yang dihadapi oleh penduduk sekitar. Untuk memperkukuhkan lagi pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, berikut merupakan beberapa persoalan kajian yang ingin dikaji:

- i. Bagaimanakah latar belakang pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak?
- ii. Apakah impak pembinaan Lebuhraya Pan Borneo terhadap ekonomi penduduk di Daerah Selangau?
- iii. Apakah langkah-langkah mitigasi yang sesuai dilaksanakan untuk mengatasi impak negatif pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Daerah Selangau?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Untuk menjawab persoalan kajian, berikut merupakan beberapa objektif kajian yang hendak dikenal pasti:

- i. Mengkaji latar belakang pembinaan Lebuhraya pan Borneo di Sarawak.
- ii. Mengkaji impak pembinaan Lebuhraya Pan Borneo terhadap ekonomi penduduk di Daerah Selangau.
- iii. Mengenal pasti langkah-langkah mitigasi yang sesuai dilaksanakan untuk mengatasi impak negatif pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di daerah Selangau.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini hanya berfokus terhadap impak pembinaan LPB terhadap sosio-ekonomi penduduk di daerah Selangau khususnya penduduk yang tinggal berhampiran dengan tapak pembinaan. Impak pembinaan LPB dipilih sebagai topik kajian kerana pengkaji selalu menggunakan lebuhraya tersebut sejak sebelum pembinaan sehingga pembinaan hampir siap sepenuhnya. Sepanjang tempoh pembinaan LPB dilakukan, pelbagai impak dan isu yang timbul sehingga dapat mempengaruhi keselamatan pengguna dan taraf hidup penduduk tempatan.

Bagi skop lokasi kajian pula, pengkaji akan menumpukan jajaran lebuhraya Sibu-Selangau sebagai lokasi untuk mengkaji pembinaan LPB. Antara lokasi yang menjadi tumpuan termasuklah pekan Selangau dan perumahan yang dibina di tepi lebuhraya. Pengkaji akan mengumpulkan data pemerhatian di sepanjang lebuhraya jajaran Sibu-Selangau dan mengedarkan soal selidik kepada penduduk di rumah panjang dan pekan Selangau. Bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan, berikut merupakan beberapa skop kajian sebagai garis panduan bagi memudahkan kajian agar objektif kajian dapat dicapai. Kajian ini akan dijalankan berdasarkan skop-skop yang berikut:

### **1.6.1 Kawasan Kajian**

Skop kajian ini adalah Lebuhraya Pan Borneo (LPB) jajaran Sibu-Selangau dan penekanan kajian diberikan ke atas daerah Selangau sahaja. Kajian ini memberikan tumpuan kepada aspek pandangan penduduk sekitar mengenai impak pembinaan LPB dan mengenalpasti apakah langkah mitigasi yang paling sesuai dilakukan untuk mengatasi isu yang timbul.

Daerah Selangau merupakan sebuah daerah dalam Bahagian Sibu di Sarawak, Malaysia. Keluasan Daerah Selangau ialah kira-kira 3,795 kilometer persegi. Daerah Selangau merupakan salah satu daripada tiga daerah dalam Bahagian Sibu selain Daerah Kanowit dan Daerah Sibu. Daerah Selangau terletak kira-kira 74 Kilometer dari bandar Sibu dan kira-kira 134 Kilometer dari bandar Bintulu (Mapcarta, 2022). Laluan LPB yang dikaji adalah jajaran Sibu-Selangau dan kajian akan berfokus kepada penduduk terjejas yang tinggal di sepanjang jajaran Sibu-Selangau.